



## SIARAN AKHBAR

### **BENGGEL PASUKAN PETUGAS DOKUMEN OPERASI DASAR KEBANGSAAN PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI STRATEGI 2: LIPUTAN HUTAN**

---

**Isnin, 19 Muharram 1442H bersamaan 7 September 2020**

Bengkel Pasukan Petugas Dokumen Operasi bagi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam diteruskan lagi dengan membincangkan Strategi 2: Liputan Hutan. Bengkel ini diadakan pada 7 – 8 September 2020 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir bagi merasmikan Bengkel tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abd Wahab, Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan antaralain menekankan bahawa walaupun Negara Brunei Darussalam bukanlah penyumbang yang signifikan terhadap pelepasan gas rumah hijau di peringkat global, akan tetapi Negara tidak terlepas daripada turut terkesan dari perubahan iklim akibat pelepasan gas berkenaan, seperti kenaikan suhu dan peningkatan jumlah kebakaran hutan dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan. Beliau juga menyentuh walaupun Negara mempunyai 72.1% liputan hutan yang mampu menyerap sebahagian besar pelepas gas rumah hijau, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan berhasrat untuk meningkatkan lagi kapasiti penyerapan karbon Negara dengan menanam pokok baru. Platform ini akan digunakan untuk meningkatkan penglibatan penyertaan dari pihak-pihak yang berkepentingan dan masyarakat.

Turut hadir dalam Bengkel tersebut ialah Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan *Co-Founder* bagi Green Brunei.

Bengkel dua hari ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di mana Jabatan Perhutanan selaku peneraju bagi Strategi 2: Liputan Hutan, dan disokong oleh Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam. Seramai lebih kurang 72 orang peserta menghadiri bengkel tersebut yang terdiri dari ahli-ahli berkepentingan dari sektor Kerajaan, sektor persendirian, institusi pendidikan, persatuan bank dan badan bukan kerajaan. Bengkel ini berhasrat untuk merangka Dokumen Operasi bagi Strategi 2: Liputan Hutan dalam mencapai sasaran untuk meningkatkan penyerapan karbon (*carbon sink*) melalui penanaman semula hutan (*afforestation*) dan penghutanan semula (*reforestation*) dengan sasaran menanam sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035. Wakil dari Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn Bhd telah dijemput sebagai pemudahcara disamping agensi-agensi peneraju bagi memudahcara bengkel berkenaan.

**Dikeluarkan oleh:  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
7 September 2020**

**Gambar-Gambar Semasa Bengkel Pasukan Petugas Dokumen Operasi Dasar Kebangsaan  
Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam bagi Strategi 2: Liputan Hutan**



*Yang Mulia Dyg. Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melancarkan Bengkel Pasukan Petugas Dokumen Operasi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam bagi Strategi 2: Liputan Hutan*



*Bengkel turut dihadiri oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Co-Founder bagi Green Brunei*



*Sesi bergambar ramai bersama peserta-peserta bengkel.*





